

Headline	Larian bermuzik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V14	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	808 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,708
Frequency	Daily	PR Value	RM 95,124



# LARI SAMBIL LAYAN MUZIK

Aktiviti sihat dan santai tarik minat generasi muda

Lebih 15,000 peserta yang kebanyakannya generasi Y membanjiri Litar Antarabangsa Sepang, baru-baru ini untuk berlari sambil menikmati rentak muzik kegemaran mereka dalam edisi kedua The Music Run oleh AIA.

Merangkumi trek larian lebih lima kilometer (km), The Music Run menyaksikan peserta berlari melalui lima zon, setiap satu menampilkan genre muzik berbeza iaitu rock, pop, old school, hip hop dan dansa.

Peserta sendiri mem-

bantu menentukan muzik yang mereka mahu dengar di setiap zon dengan memilih sendiri senarai muzik yang diwujudkan dengan kerjasama aplikasi muzik digital, Spotify.

Lagu yang paling banyak diundi, didengari dan dikongsikan akan dimainkan semasa larian dijalankan. Pembesar suara bertaraf konsert disusun sepanjang trek larian, mewujudkan satu pengalaman mendengar muzik sambil bersukan yang unik.

Pengarah Eksekutif Exceed Sports and Entertainment, iaitu penganjur Acara The Music Run seluruh Asia Martin Capstick berkata, orga-

nasi itu berbangga dapat meneruskan kejayaan hebat The Music Run oleh AIA di Malaysia kerana larian ini berjaya mengumpul semakin ramai peminat muzik dan sukan di Asia.

"Tahun ini Malaysia mendapat penyertaan yang memecahkan rekod iaitu seramai 15,000 pelari yang kami

gelarkan Music Runners, satu angka yang jauh melebihi sasaran awal.

"Gabungan hebat muzik dan aktiviti larian mewujudkan pengalaman yang luar biasa untuk kedua-dua pelari kasual juga pencinta muzik dan sambutan hangat daripada masyarakat Malaysia membuktikan The Music Run adalah larian unik yang menyeronokkan," katanya.

Martin berkata penaja rasmi utama iaitu syarikat insurans AIA Bhd berperanan penting dalam perkembangan The Music Run sejak kemunculannya di Malay-

Headline	Larian bermuzik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V14	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	808 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,708
Frequency	Daily	PR Value	RM 95,124

sia pada tahun lalu dengan membantu membawa fenomena berkenaan ke tempat lain di Asia, termasuk bandar utama seperti Bangkok, Singapura, Manila dan Shanghai.

Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd Anusha Thavarajah berkata syarikat itu gembira untuk menaja The Music Run bagi tahun kedua di Kuala Lumpur.

"AIA komited untuk membantu rakyat Malaysia hidup dengan cara lebih sihat dan kami melihat acara ini sebagai platform yang unik untuk menggalakkan gaya hidup lebih positif.

"The Music Run juga di-

harap dapat menjadi jenama larian yang disukai seisi keluarga seluruh Asia dan kami teruja menjadi sebahagian daripada fenomena yang semakin berkembang," katanya.

Tahun ini acara bermula lewat tengah hari dan mencapai kemuncaknya yang mendebarkan dengan acara After Party di arena festival The Music Village yang berlangsung sepanjang petang.

Kemudian sesi memanasakan badan zumba besar-besaran yang diketuai oleh pengajar Fitness First seawal pukul 4.30 petang diadakan.

Di The Music Village juga terdapat trak menjual pel-

bagai makanan kegemaran anak muda dan aktiviti daripada penaja seperti Air Asia, AIA dan Petron.

Pada jam 5.15 petang, Thavarajah melepaskan kumpulan pertama Music Runners yang bergerak mengikut rentak rancak 'We will rock you' oleh Queen di Zon Rock AirAsia.

Ketika Music Runners berlari merentasi Soundtrack yang merangkumi 5km itu, mereka juga dihiburkan dengan aktiviti di setiap Zon Muzik dan salah satunya acara kemuncak iaitu Bas Parti Bergerak AIA di Zon Tarian AIA.

Suasana rancak berte-

rusan di After Party yang diadakan di The Music Village, dengan DJ Greggy dari Australia memainkan campuran lagu rancak. Kumpulan muzik sedang mencipta nama, Paperplane Pursuit dan Darren Ashley tampil membuat persembahan sementara juruhebah radio Linora Low berperanan sebagai hos acara terus menghiburkan Music Runners sepanjang malam.

Diadakan kali pertama di dunia tahun lalu, The Music Run terbaru ini juga mencipta rekod dalam The Malaysi Book of Records bagi 'Bilangan peserta terbanyak bagi larian santai yang pernah disaksikan setakat ini di Asia'.



PESERTA dilepaskan untuk mula berlari.

Headline	Larian bermuzik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V14	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	808 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,708
Frequency	Daily	PR Value	RM 95,124



Headline	Larian bermuzik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V14	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	808 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,708
Frequency	Daily	PR Value	RM 95,124

